

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 2 JANUARI 2015 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Lebih RM1 bilion kerugian harta awam, kemusnahan kediaman	Berita Harian
2.	Tiada kaitan ribut Jangmi	Harian Metro
3.	Cuaca Lembah Klang diramal semakin baik	Sinar Harian
4.	Cat antinyamuk bantu kurangkan risiko denggi	KOSMO
5.	Angin kencang dan laut bergelora kategori kedua sehingga ahad	BERNAMA
6.	Jangmi blows itself out over Sulu Sea	The Star
7.	Floodwater levels finally subside	The Star
8.	Investigators to look at microburst theory	New Straits Times



KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 7  
TARIKH : 2 JANUARI 2015 (JUMAAT)



Mangsa banjir di Kampung Manek Urai Lama, merenung masa depan selepas rumah mereka musnah dilanda banjir.  
(FOTO EFFENDY RASHID/BH)

Kakitangan Kolej Vokasional Tanah Merah membawa keluar peralatan pejabat untuk dikeringkan selepas ditenggelami air.

## Lebih RM1 bilion kerugian harta awam, kemusnahan kediaman

**Taksiran awal kos membaiki kerosakan akibat banjir**

**Anggaran Kementerian Kawaja** membaiki jalan, pembetung, longkang dan bahu jalan di tiga zon  
**RM338 JUTA**

**Nerosakan sekolah dijadikan pusat pemindahan**  
**RM350 JUTA**

Anggaran dijangka lebih besar apabila penilaian terperinci sekolah yang rosak teruk dan tenggelam.

**18 JALAN** Dikenal pasti kritikal.

**JALAN DITUTUP**  
Pahang : 58  
Kelantan : 5  
Terengganu : 5  
Perak : 5

**JALAN GERIK-JELI** yang terputus akibat tanah runtuh akan dibuka Isnin ini.

**Kuala Lumpur:** Kerugian harta awam dan kemusnahan kediaman penduduk akibat bencana banjir di Pantai Timur dianggarkan berjumlah lebih RM1 bilion.

Walaupun banjir di Kelantan, Terengganu dan Pahang masih belum surut, jabatan kerajaan Persekutuan dan negeri mula membuat taksiran bagi membolehkan kerosakan khususnya kemudahan awam seperti jalan dibaiki segera.

Di **Kota Bharu:** Kerugian harta awam akibat banjir besar di Kelantan dianggarkan sebanyak RM200 juta dan sekurang-kurangnya 1,500 rumah musnah sepenuhnya akibat bencana alam itu.

Pendedahan itu dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa Operasi Bencana Banjir Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob dalam dua sidang media berasingan.

Mustapa berkata, kerugian harta awam membabitkan prasarana di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) ialah RM100 juta; Tenaga Nasional Berhad (RM10 juta); Syarikat Air Kelantan Sdn Bhd (RM3 juta) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebanyak RM8 juta.

"Kita masih dalam proses mendapatkan data bagi mendapatkan ni-

lai sebenar berhubung kerugian namun anggaran kasar lebih RM200 juta.

### Kumpul maklumat

"Kerajaan Pusat dan negeri akan bersama membuat pengumpulan maklumat lengkap ini dan sekarang dalam proses mendaftar aset yang rosak," katanya ketika sidang media di Bilik Gerakan Bencana Banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN) di sini, semalam.

Mustapa berkata, Jawatankuasa Operasi Bencana Banjir Kelantan sudah mendengar beberapa cadangan pasca banjir dari pelbagai pihak termasuk **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** mengenai pembinaan rumah sementara kepada mangsa banjir.

"Kementerian itu memberikan cadangan pembinaan rumah kluster yang dilaksanakan di Jepun yang boleh menempatkan 48 keluarga pada setiap rumah berkenaan," katanya.

Sementara itu, Ahmad berkata, dianggarkan 1,500 rumah musnah sepenuhnya akibat banjir besar yang melanda Kelantan.

"Kita menjangkakan 1,500 rumah musnah sepenuhnya dan ia adalah satu jumlah besar dari segi keperluan. Terdapat juga rumah yang masih boleh dibaiki dan ini juga ter-

dapat dalam senarai kita," katanya.

Di **Temerloh:** Kementerian Kerja Raya menganggarkan kos RM338 juta bagi kerja membaiki pulih jalan, pembetung, longkang dan bahu jalan di negeri yang terjejas akibat banjir.

Menterinya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, daripada jumlah itu, sebanyak RM204 juta dianggarkan untuk Kelantan, Pahang dan Terengganu (zon timur) manakala RM78 juta bagi Johor, Melaka dan Negeri

Sembilan manakala RM55.6 juta untuk Perak, Kedah dan Perlis.

Beliau berkata, kementerianya memberi keutamaan membaiki pulih jalan yang terputus bagi memudahkan kerja penghantaran bantuan banjir ke negeri terbabit.

Di **Chukai:** Menteri Besar Terengganu, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, kerajaan negeri menganggarkan RM107 juta diperlukan membaiki pulih jalan Persekutuan, manakala jalan negeri RM24 juta.

Beliau berkata, kerajaan negeri melalui JKR, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan sukarelawan akan bekerjasama membaiki pulih semua jalan dan jambatan yang rosak.



Jalan utama ke Pantai Cahaya Bulan dan bandar Kota Bharu terputus akibat kesan arus deras banjir.  
(FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH)



## Tiada kaitan ribut Jangmi

**Kuala Lumpur:** Luruan angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) yang bakal melanda kawasan perairan timur Semenanjung hingga Ahad ini tidak ada kaitan dengan ribut Jangmi di Filipina.

Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail berkata, ribut Jangmi yang kini melanda Filipina didapati lemah dan berakhir di Laut Sulu perairan timur Sabah kelmarin.

Menurutnya, dakwaan kononnya taufan Jangmi bakal melanda seluruh Semen-

anjung Malaysia adalah maklumat tidak benar berikutan ianya sudah berakhir di perairan timur Sabah.

Dia berkata, tindakan pihak tidak bertanggungjawab

menyebarkan maklumat melalui media sosial mendakwa ribut Jangmi bakal melanda seluruh semenanjung Malaysia adalah palsu.

"Ketika ini, pihak

Meteorologi hanya mengesan luruan angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50-60kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter yang berlaku di ka-

wasan perairan Pahang, Johor Timur, Sarawak, Sabah (Pedalaman, Pantai Barat dan Kudat) dan Wilayah Persekutuan Labuan. Keadaan ini dijangka berterusan sehingga Ahad ini.

"Selain itu, angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40-50kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dikesan berlaku di kawasan perairan Kelantan dan Terengganu. Ia dijangka berterusan sehingga Ahad ini juga,"katanya, semalam.

Luruan angin ini boleh menyebabkan angin kencang selaju 50 hingga 60kmsj yang berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

### FAKTA

*Luruan angin ini berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai*

KERATAN AKHBAR  
SINAR HARIAN: MUKA SURAT 46  
TARIKH: 2 JANUARI 2015 (JUMAAT)

## Cuaca Lembah Klang diramal semakin baik

**SHAH ALAM** - Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan cuaca semakin baik dan cerah di Lembah Klang sepanjang minggu ini dengan tiada sebarang ke-bimbangan akan berlaku banjir kilat.

Pengarah Khidmat Korporat dan Komersialnya, Dr Mohd Hisham Mohd Anip berkata, pihaknya meramalkan cuaca baik dengan hanya negeri sebelah Pantai Timur saja yang akan mengalami hujan

dan ribut petir teruk.

"Apa yang kita jangkakan, Lembah Klang akan mengalami cuaca baik, mungkin hanya akan mengalami sedikit atau hujan yang sederhana di sebelah pagi atau petang di satu atau dua tempat seperti di Petaling Jaya, Kuala Lumpur dan Shah Alam, tetapi bukanlah hujan lebat sehingga membawa kepada ribut petir, hanya hujan yang sederhana saja.

"Kemungkinan besar, tidak akan berlaku banjir kilat," katanya.

Menurutnya, cuaca dijangka baik kerana negara kini mengalami monsun timur laut dan negeri pantai barat tidak akan terjejas.

"Cuaca bertukar ganas dan ribut petir sering berlaku di Lembah Klang, jika berlaku perubahan monsun, tetapi untuk minggu ini, dijangka baik," katanya.

